



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**6 Oktober 2021**

**29 Safar 1443H**

<b>SENARAI AKHBAR</b>	<b>TAJUK</b>
<b>Utusan Malaysia</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Ikan lumba-lumba produk pelancongan</li></ul>
<b>Berita Harian</b>	
<b>Harian Metro</b>	
<b>Kosmo !</b>	
<b>Sinar Harian</b>	
<b>The Star</b>	
<b>New Straits Time</b>	
<b>Nanyang Siang Pau</b>	
<b>Malaysia Gazette</b>	
<b>Harakah</b>	
<b>Malaysia Dateline</b>	
<b>Bernamea</b>	
<b>See Hua Daily News (Kuching)</b>	
<b>Guan Ming Daily</b>	
<b>Sin Chew Daily</b>	

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN : POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		31	6/10/2021

Laut Kuala Perlis jadi tumpuan pelbagai spesies unik

## Ikan lumba-lumba produk pelancongan

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB  
hafiz.mutalib@mediamula.com.my


**KANGAR:** Keunikan serta keistimewaan Kuala Perlis yang menjadi tumpuan pelbagai spesies unik seperti ikan lumba-lumba dan yu paus perlu dimanfaatkan sebaik mungkin dengan menjadikan kawasan berkenaan sebagai produk pelancongan baharu.

Malah, cadangan menjadikan Kuala Perlis sebagai lokasi pelancongan ikan lumba-lumba itu turut mendapat reaksi positif kerajaan negeri, sekali gus bakal menjadi daya tarikan baharu pelancong ke negeri ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengasas Pencinta Hijau dan Hidupan Liar Perlis (PNW), Syamil Abd. Rahman berkata, cadangan tersebut dikemukakan pihaknya semasa mesyuarat jawatan kuasa berkaitan ikan lumba-lumba bersama Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Perlis (BPEN) pada Jumaat lalu.

Katanya, mesyuarat yang turut disertai Jabatan-Jabatan berkaitan, pihak universiti serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) itu juga menyambut baik cadangan berkenaan.

Ujarnya, antara cadangan yang dikemukakan adalah mewujudkan lokasi pelancongan ikan lumba-lumba dari Sungai Perlis sehingga perairan Pulau Batu La-



SYAMIL ABD. RAHMAN

yang, Kuala Perlis di sini.

Selain itu, katanya, PNW juga menandatangani pembinaan sebuah monumen ikan lumba-lumba di Kuala Perlis sebagai salah satu tarikan pelancongan di samping memberi pengetahuan kepada pelancong mengenai kewujudan spesies unik berkenaan di sini.

"Dalam mesyuarat tersebut, kerajaan negeri menyambut baik cadangan tersebut dan akan melihat langkah-langkah seterusnya bagi merealisasikan cadangan berkenaan.

"Kewujudan lokasi pelancongan ikan lumba-lumba itu bakal memberi impak positif kepada pelancongan negeri ini selain mampu memberi pendapatan sampingan kepada nelayan melalui pakej-pakej membawa pelancong menyaksikan ikan berkenaan.



CADANGAN menjadikan Kuala Perlis sebagai lokasi pelancongan ikan lumba-lumba mendapat reaksi positif kerajaan negeri, sekali gus bakal menjadi daya tarikan baharu pelancong ke Perlis.

"Malah, apabila kawasan berkenaan menjadi tarikan pelancongan baharu secara tidak langsung mewujudkan kesedaran dalam menjaga kebersihan bagi melindungi hidupan marin tersebut," katanya.

*Utusan Malaysia* pada 8 September lalu melaporkan, selain terkenal dengan julukan 'syurga

makanan laut', Kuala Perlis juga istimewa apabila perairan di situ menjadi antara 'lubuk' atau tumpuan ikan lumba-lumba khususnya jenis Indo Pacific Humpback.

Siapa sangka, meskipun perairan Kuala Perlis tidak seindah pantai-pantai lain seperti Langkawi atau sebagainya namun tetap

menjadi 'pilihan' ikan lumba-lumba tersebut.

Difahamkan sekitar 200 hingga 300 ikan lumba-lumba terdapat di perairan Kuala Perlis dengan musim kemarau di Perlis antara Disember hingga April kelibat ikan berkenaan kerap boleh dilihat di pesisir pantai di sini.